A

Quek Qin Long dan lain-lain lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO JA-43–28–05 TAHUN 2024
ABU BAKAR KATAR H
3 JULAI 2024

C

Prosedur Jenayah — Reman — Permohonan — Kesalahan mencuri kenderaan — Orang-orang yang disyaki telah ditangkap — Permohonan reman yang dikemukakan oleh pegawai penyiasat pengganti dibenarkan oleh majistret — Permohonan sambungan reman oleh pegawai penyiasat ditolak oleh majistret — Permohonan semakan perintah majistret di bawah s 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') — Sama ada dalam permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ pegawai yang menjalankan siasatan boleh mewakilkan kepada orang lain atau pegawai penyiasat pengganti — Sama ada peruntukan s 28A KTJ wajib dipatuhi bagi maksud permohonan reman — Sama ada diari siasatan perlu dicatatkan penglibatan setiap orang yang disyaki — Sama ada alasan-alasan reman perlu dinyatakan — Kanun Tatacara Jenayah ss 28A, 117(1), (3), 119(1) & 323

D

E

Pemohon-pemohon dalam kes ini merupakan orang yang disyaki ('OYDS1', 'OYDS2', 'OYDS3', 'OYDS4' dan 'OYDS5') bagi satu kes kehilangan kenderaan jenis Hilux. Pemohon-pemohon telah ditangkap oleh pihak polis pada tarikh, masa dan tempat yang berasingan. Pegawai penyiasat bagi kes ini adalah Sarjan Muhammad tetapi permohonan reman ke atas pemohon-pemohon di bawah s 117(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang dibuat pada 22 Mei 2024 telah dikemukakan oleh pegawai penyiasat pengganti iaitu Sarjan Michael dan permohonan tersebut dibenarkan. Namun begitu, permohonan sambungan reman bertarikh 23 Mei 2024 yang dikemukakan oleh Sarjan Muhammad telah ditolak oleh majistret. Walaupun isu reman telah menjadi akademik memandangkan pemohon-pemohon telah dibebaskan, namun, peguam yang mewakili pemohon-pemohon tetap mahu meneruskan permohonan semakan di bawah s 323 KTJ ke atas perintah majistret kerana terdapat persoalan undang-undang berkaitan permohonan reman di bawah s 117 KTJ untuk rujukan atau panduan masa hadapan. Isu-isu yang dibangkitkan adalah: (a) sama ada dalam permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ, pegawai yang menjalankan siasatan boleh mewakilkan kepada orang lain atau pegawai penyiasat pengganti; (b) sama ada bagi maksud permohonan reman, peruntukan s 28A KTJ wajib dipatuhi; (c) sama ada diari siasatan perlu dicatatkan penglibatan setiap OYDS; dan (d) sama ada alasan-alasan reman perlu dinyatakan — berkaitan isu ini, pegawai penyiasat polis memohon lanjutan reman atas alasan-alasan berikut: (i) mengambil gambar dan cap jari OYDS; (ii) OYDS mempunyai rekod jenayah dan

F

G

H

I

dikhuatiri mengganggu pengadu dalam kes; dan (iii) mengesan barang-barang kes yang masih belum dijumpai (antaranya dompet pengadu).

Diputuskan:

(1) Permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ membabitkan kebebasan individu yang dijamin di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Nas-nas duluan ada memutuskan dalam senario sebegini, mahkamah perlu memberi tafsiran secara ketat. Berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 11 Tahun 2021 ('Arahan Amalan tersebut'), mahkamah berpendapat bahawa, bagi maksud permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ, pegawai penyiasat polis merujuk kepada 'pegawai yang menjalankan siasatan' dan ia tidak boleh diwakilkan kepada pegawai polis yang lainnya. Selain itu, mahkamah juga berpendapat bahawa peruntukan s 117(1) KTJ perlu dibaca bersama dengan: (a) s 117(3) KTJ yang memperuntukkan tugas pegawai penyiasat polis untuk mencatitkan dalam diari siasatan tentang apa-apa tempoh tahanan sebelum permohonan reman dipohon; dan (b) s 119(1) KTJ yang secara jelasnya memperincikan tugas-tugas pegawai penyiasat polis dalam konteks Arahan Amalan tersebut, antaranya, untuk menyediakan diari siasatan dari sehari ke sehari (lihat perenggan 21, 30–32 & 34).

(2) Mahkamah berpendapat Sarjan Michael tiada locus standi untuk hadir dan mengemukakan OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 di hadapan majistret pada 22 Mei 2024. Permohonan reman tersebut tidak mematuhi peruntukan s 117(1) KTJ dan Arahan Amalan tersebut. Oleh itu, keseluruhan prosiding reman tersebut menyalahi peruntukan undang-undang dan perintah yang dikeluarkan oleh majistret tidak mempunyai kesan undang-undang (lihat perenggan 36).

(3) Peruntukan s 28A KTJ yang dipinda melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 yang berkuat kuasa mulai 6 Mac 2007, memperuntukkan tugas pegawai polis yang membuat tangkapan memberitahu 'seseorang yang ditangkap' (OYDS) tentang hak-hak yang diperuntukkan di bawah s 28(2)(a) dan (b) KTJ. Mahkamah berpendapat sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada s 28A KTJ, ia tidak menghalang pegawai penyiasat polis yang menjalankan siasatan untuk memohon reman di bawah s 117(1) KTJ. Pada peringkat reman, bukan tugas majistret untuk memutuskan penahanan OYDS tidak sah atau melanggar peruntukan undang-undang. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada s 28A KTJ, ia boleh dibangkitkan dalam forum yang lain (lihat perenggan 39, 41 & 43).

(4) Memandangkan pada 23 Mei 2024 majistret telah menimbangkan permohonan lanjutan reman ke atas kesemua OYDS, pegawai penyiasat polis wajib menyediakan diari siasatan sebaik tahanan reman dibenarkan mulai 22 Mei 2024 hingga 23 Mei 2024. Mahkamah berkesempatan

untuk melihat dan meneliti diari siasatan yang difailkan dan mendapati pegawai penyiasat polis telah mencatatkan setiap tindakan yang telah diambil secara terperinci mulai 20 Mei 2024 jam 0833hrs sehinggalah 23 Mei 2024 jam 0800hrs di mana ke semua OYDS dikemukakan di hadapan majistret (lihat perenggan 46–47).

(5) Mahkamah berpendapat majistret telah meneliti diari siasatan sebelum menolak permohonan lanjutan reman tersebut. Mahkamah bersetuju dengan majistret bahawa tindakan mengambil gambar dan cap jari OYDS boleh dilakukan dalam tempoh masa yang ada berbaki iaitu selama 14 jam. Selain itu, pegawai penyiasat polis tidak menyatakan siapakah OYDS yang dikatakan mempunyai rekod jenayah dan tiada keterangan yang menunjukkan OYDS mengganggu pengadu. Pegawai penyiasat polis juga tidak menyatakan apakah barang-barang kes yang masih belum dijumpai. Berhubung dengan ini, pegawai penyiasat polis gagal memberikan penjelasan apakah kaitan dompet tersebut dengan kesalahan di bawah s 379A Kanun Keseksaan (lihat perenggan 50–52).

(6) Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pegawai penyiasat polis tidak boleh mewakilkan orang lain bagi maksud peruntukan s 117(1) KTJ dan Arahan Amalan tersebut. Puan majistret telah bertindak dengan betul apabila beliau menolak permohonan lanjutan reman ke atas kesemua OYDS pada 23 Mei 2024. Pada akhirnya, mahkamah tidak berhasrat untuk menggunakan kuasa semakan di bawah s 323(1) KTJ. Memandangkan OYDS telah dituduh di mahkamah dan ada OYDS telah dibebaskan, tiada apa-apa perintah dikeluarkan (lihat perenggan 53).

[English summary

The applicants in the present case were the suspects ('OYDS1', 'OYDS2', 'OYDS3', 'OYDS4' and 'OYDS5') in a case of missing Hilux vehicle. The applicants were arrested by the police on separate dates, times and places. The investigating officer for this case was Sergeant Muhammad but the application for remand against the applicants under s 117(1) of the Criminal Procedure Code ('the CPC') made on 22 May 2024 was submitted by the substitute investigating officer, Sergeant Michael and the application was allowed. However, the application for extension of remand dated 23 May 2024 submitted by Sergeant Muhammad was dismissed by the magistrate. Although the issue of remand had become academic since the applicants had been acquitted, the lawyers representing the applicants still wanted to continue the application for review under s 323 of the CPC against the magistrate's order because there were legal questions relating to the application for remand under s 117 of the CPC for future reference or guidance. The issues raised were: (a) whether in a remand application under s 117(1) of the CPC, the officer conducting the investigation could delegate to another person or a substitute investigating officer; (b) whether for the purpose of a remand application, the

provisions of s 28A of the CPC ought to be complied with; (c) whether the investigation diary must record the involvement of each OYDS; and (d) whether the reasons for the remand must be stated — in relation to this issue, the police investigating officer applied for an extension of remand based on the following grounds: (i) to take photographs and fingerprints of OYDS; (ii) the OYDS had a criminal record and were feared to be interfering with the complainant in the case; and (iii) to locate the exhibits that had not yet been found (including the complainant's wallet).

Held:

(1) An application for remand under s 117(1) of the CPC involved the freedom of the individual guaranteed under art 5 of the Federal Constitution. Previous cases had held that in such a scenario, the court must give a strict interpretation. Based on the Chief Justice's Practice Direction Number 11 of 2021 ('the said Practice Direction'), the court opined that, for the purpose of an application for remand under s 117(1) of the CPC, police investigating officer referred to an 'officer conducting an investigation' and the police investigating officer could not be represented by another police officer. In addition, the court also opined that the provisions of s 117(1) of the CPC must be read together with: (a) s 117(3) of the CPC which provided for the duty of a police investigating officer to record in the investigation diary any period of detention before the application for remand was made; and (b) s 119(1) of the CPC which clearly particularised the duties of police investigating officers in the context of the Practice Directions, among others, to prepare a daily investigation diary (see paras 21, 30–32 & 34).

(2) The court was of the opinion that Sergeant Michael did not have the locus standi to appear and produce OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 and OYDS5 before the magistrate on 22 May 2024. The remand application did not comply with the provisions of s 117(1) of the CPC and the Practice Directions. Therefore, the entire remand proceedings were contrary to the provisions of the law and the order issued by the magistrate had no legal effect (see para 36).

(3) The provisions of s 28A of the CPC which was amended via the Criminal Procedure Code (Amendment) Act 2006, which came into force on 6 March 2007, provided for the duty of the arresting police officer to inform the 'person arrested' (OYDS) of the rights provided for under s 28(2)(a) and (b) of the CPC. The court was of the view that if there was non-compliance with s 28A of the CPC, it did not prevent the investigating police officer conducting the investigation from applying for remand under s 117(1) of the CPC. At the remand stage, it was not the duty of the magistrate to decide whether the detention of OYDS was unlawful or in breach of the provisions of the law. If there was

non-compliance with s 28A of the CPC, it could be raised in another forum (see paras 39, 41 & 43).

(4) Considering that on 23 May 2024 the magistrate had considered the application for an extension of remand on all OYDS, the police investigating officer was obliged to prepare an investigation diary as soon as the remand was granted from 22 May 2024 to 23 May 2024. The court had the opportunity to view and examine the investigation diary filed and found that the police investigating officer had recorded every action taken in detail from 20 May 2024 at 0833hrs until 23 May 2024 at 0800hrs where all OYDS were presented before the magistrate (see paras 46–47).

(5) The court found that the magistrate had examined the investigation diary before rejecting the application for an extension of remand. The court agreed with the magistrate that the action of taking OYDS's photographs and fingerprints could be carried out within the remaining period of 14 hours. In addition, the police investigating officer did not state which OYDS had a criminal record and there was no evidence to show that the OYDS had interfered with the complainant. The police investigating officer also did not state which exhibits had yet to be found. In this regard, the police investigating officer failed to provide an explanation as to the connection of the wallet with the offence under s 379A of the Penal Code (see paras 50–52).

(6) Based on the above reasons, the court held that police investigating officer could not be represented by another person for the purposes of the provisions of s 117(1) of the CPC and the Practice Directions. The magistrate acted correctly when she dismissed the application for an extension of remand of all the OYDS on 23 May 2024. Ultimately, the court did not intend to exercise its power of review under s 323(1) of the CPC. Since OYDS had been charged in court and some OYDS had been acquitted, no order was made (see para 53).]

Kes-kes yang dirujuk

Alma Nudo Atenza v PP and another appeal [2019] 4 MLJ 1, MP (dirujuk)
Bird Dominic Jude v PP [2014] 3 MLJ 745, MP (dirujuk)
Dasthigeer B Mohamed Ismail v Kerajaan Malaysia & Anor [1999] MLJU 121; [1999] 6 CLJ 317, MT (dirujuk)
Hassan bin Marsom & Ors v Mohd Hady bin Ya'akop [2018] 5 MLJ 141, MP (dirujuk)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 1 CLJ 35, MA (dirujuk)
Polis DiRaja Malaysia v Keong Mei Cheng Audrey [1994] 3 MLJ 296; [1994] 3 CLJ 362, MT (dirujuk)
PP v Audrey Keong Mei Cheng [1997] 3 MLJ 477, MR (dirujuk)

PP v Gan Boon Aun [2017] 3 MLJ 12, MP (dirujuk)
PP v Rajisegar a/l Munisamy [2006] 2 MLJ 43; [2006] 1 CLJ 217, MR (dirujuk)
PP v Sihabduin bin Hj Salleh & Anor [1980] 2 MLJ 273; [1981] CLJ Rep 82; [1980] 1 MLRA 3, MP (dirujuk)
Re Mohamad Ezam bin Mohd Nor [2001] 3 MLJ 372, MT (dirujuk)
Tee Jun Wei v Inspektor Parthiban Suntharam & Yang Lain [2021] MLJU 1060; [2021] 8 CLJ 127, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Rendah 1948 s 107A
Akta Pencegahan Jenayah 1959 ss 3, 19
Kanun Tatacara Jenayah ss 4(3), 28A, 28A(2)(a), (2)(b), 117, 117(1), (3), (7), 119, 119(1), 323, 323(1), 379A
Perlembagaan Persekutuan perkara 5

Dinesh a/l Muthal (Dinesh Muthal & Co) bagi pihak pemohon.
Nur Diana bt Zubir (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Quek Qin Long (orang yang di syaki) ('OYDS1'), See Jin Cong ('OYDS2'), Yeo Yong Kuang ('OYDS3'), Marcus Ng Rui Hong ('OYDS4') dan Er Boon Leng ('OYDS5') telah ditangkap oleh pihak polis pada tarikh, masa dan tempat yang berasingan.

[2] Tangkapan dilakukan berkaitan kehilangan kenderaan Hilux Nombor Pendaftaran: JWR 3434 yang dilaporkan oleh Ismail bin Yaakub ('pengadu') beralamat di No 61 Jalan Bestari 45–2, Taman Bestari Indah, 81800 Johor Bahru, Johor sebagaimana Pelangi Indah Report No: 003716/2024.

[3] Sebagaimana lazimnya, bagi membantu siasatan oleh pihak polis dijalankan, pegawai penyiasat iaitu Sarjan Muhammad Shahril bin Md Samri ('Sarjan Muhammad') telah menyediakan diari siasatan bagi membolehkan OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 dikemukakan di hadapan majistret bagi maksud permohonan reman di bawah s 117(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ').

[4] Pada 22 Mei 2024 OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 telah dibawa dan dikemukakan oleh wakil Pegawai Penyiasat iaitu Sarjan Michael di hadapan Puan majistret, Mahkamah Majistret, Johor Bahru untuk tahanan reman. Puan majistret itu telah membenarkan OYDS1, OYDS2,

OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 ditahan reman selama 2 hari iaitu 22 Mei 2024 hingga 23 Mei 2024.

[5] Pada 23 Mei 2024 OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 dibawa ke hadapan Puan majistret itu sambungan reman. Semasa permohonan sambungan reman Pegawai Penyiasat (Sarjan Muhammad) menghadirkan diri. Puan majistret itu yang mendengar permohonan untuk lanjutan reman telah menolaknya.

[6] Peguam yang mewakili OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 telah menulis surat bertarikh 26 Mei 2024 memohon agar menyemak Perintah Majistret itu walaupun semasa permohonan semakan dibawah s 323 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) difailkan, OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 telah dibebaskan dan isu reman telah menjadi akademik. Beliau memohon semakan diteruskan memandangkan terdapat persoalan undang-undang berkaitan permohonan reman dibawah s 117(1) KTJ untuk rujukan atau panduan masa hadapan.

LATAR PENTAS KES

[7] Secara ringkasnya fakta kes seperti berikut: pengadu merupakan seorang pengurus ladang PIJ Plantation & Agriculture Sdn Bhd pada 19 Mei 2024 jam lebih kurang 9.30 malam telah meletakkan kenderaan Hilux Nombor Pendaftaran: JWR 3434 di luar pagar rumahnya yang beralamat di No 61 Jalan Bestari 45–2, Taman Bestari Indah, 81800 Johor Bahru, Johor dalam keadaan berkunci termasuk 'paddle lock'.

[8] Pada 20 Mei 2024 jam lebih kurang enam pagi pengadu ingin menggunakan kenderaan Hilux tersebut dan didapati telah tiada. Pengadu telah membuat pemeriksaan sekeliling kawasan namun tidak menjumpainya. Pengadu mengesyaki kenderaan Hilux telah hilang di curi orang. Pengadu meninggalkan beg dompet yang didalamnya mengandungi kad pengenalan, lesen memandu, kad ATM Bank Islam, Maybank dan RHB Bank, kad kredit Maybank, kad minyak Petronas milik syarikat, kad minyak Shell milik syarikat dan duit tunai RM450.

[9] Pengadu kemudiannya telah melaporkan kehilangan kenderaan Hilux kepada pihak polis sebagaimana Pelangi Indah Report No: 003716/2024. Pada 21 Mei 2024 jam lebih kurang 1320hrs sepasukan anggota pegawai polis dari cawangan D4, Jabatan Siasatan Jenayah, IPK Perak, sepasukan pegawai polis dari IPK Johor dan anggota dari IPD Kubang Pasu telah bertindak pergi ke tempat letak kereta di tepi KFC Changlun No 41 dan 42 Pekan Changlun, Kedah. Pegawai Polis bernama Prabakaran a/l Lakshmanan telah nampak sebuah kenderaan Hilux nombor pendaftaran: JUU 1609 (nombor

pendaftaran yang palsu) bagi JWR 3434 yang dilaporkan hilang sebagaimana Pelangi Indah Report No: 003716/2024.

[10] Pasukan polis telah menghampiri kenderaan Hilux dalam keadaan enjin dihidupkan. Di dalam kenderaan Hilux ada seorang lelaki Cina berada di bahagian pemandu. Pegawai Prabakaran telah memperkenalkan diri sebagai pegawai polis kepada lelaki Cina tersebut. Lelaki Cina tersebut bertindak agresif dan cuba untuk melarikan diri. Berlaku sedikit pergelutan antara lelaki Cina dan anggota polis. Pada akhirnya, pihak polis berjaya menangkap lelaki Cina yang dikenali sebagai Quek Qin Long (OYDS1).

[11] Pegawai Prabakaran telah membuat tangkapan dan merampas kenderaan Hilux sebagaimana laporan polis Changlun Report: 001596/2024. Seterusnya, OYDS1 dibawa balik ke IPD Kubang Pasu untuk tindakan lanjut.

[12] Pada 21 Mei 2014 jam lebih kurang 1340hrs, Azmizar bin Azmi daripada D4, JSJ IPK Johor telah mengetuai sepasukan anggota polis dari cawangan D4 JSJ IPK Johor telah pergi ke rumah yang beralamat di No 11 Jalan Adda 5/19, Taman Adda, Johor Bahru, Johor. Sebaik sampai di premis berkenaan, Pegawai Azmizar telah memperkenalkan diri sebagai pegawai polis kepada tuan rumah tersebut iaitu See Jing Cong (OYDS2). Pemeriksaan selanjutnya dalam rumah tersebut menjumpai seorang lelaki Cina yang sedang duduk di bilik utama tingkat atas dan seorang lelaki Cina sedang baring di dalam bilik kedua tingkat atas rumah tersebut. Pegawai Azmizar telah membuat beberapa rampasan termasuk cukai jalan kenderaan JWR 3434 dari OYDS3. Pegawai Azmizar telah melakukan tangkapan ke atas OYDS2, OYDS3 dan OYDS4 sebagaimana Bandar Dato Onn Report No: 003468–3470/2024.

[13] Selanjutnya dengan dipandu arah oleh OYDS3, Pegawai Azmizar bersama pasukan polis telah pergi ke premis beralamat di 32, Jalan Pesona 17, Taman Pelangi Indah, Ulu Tiram, Johor. Sebaik sampai di rumah tersebut, tuan rumah iaitu OYDS5 telah keluar berjumpa Pegawai Azmizar. Pegawai Azmizar telah membuat tangkapan ke atas OYDS5 bagi tujuan siasatan bersabit Pelangi Indah Report No: 003716/24.

[14] Rentetan tangkapan-tangkapan OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 membawa kepada permohonan reman JA-89RE-3777–05/2024 di hadapan Puan majistret itu. Permohonan reman pada mulanya pada 22 Mei 2024 dikemukakan oleh pegawai penyiasat penganti iaitu Sarjan Michael. Permohonan sambungan reman pada 23 Mei 2024 dikemukakan oleh pegawai penyiasat iatu Sarjan Muhammad. Puan majistret itu telah menolak permohonan sambungan reman.

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH

[15] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah diperturunkan peruntukan s 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[16] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 1 CLJ 35 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[17] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor*, mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya.

[18] Peguam yang mewakili semua OYDS dalam hujahan lisannya menumpukan kepada isu-isu berikut:

(a) sama ada dalam permohonan reman dibawah s 117(1) KTJ, pegawai yang menjalankan siasatan boleh mewakilkan kepada orang lain atau pegawai penyiasat penganti?

(b) sama ada bagi maksud permohonan reman, peruntukan s 28A KTJ wajib dipatuhi?

(c) sama ada diari siasatan perlu dicatatkan penglibatan setiap OYDS? dan

(d) sama ada alasan-alasan reman perlu dinyatakan?

Bagi isu (a)

[19] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu (a) dengan lebih lanjut, eloklah

diperturunkan peruntuakan s 117(1) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Apabila mana-mana orang ditangkap dan ditahan dalam jagaan dan didapati bahawa penyiasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam yang ditetapkan oleh seksyen 28 dan terdapat alasan untuk mempercayai bahawa tuduhan atau maklumat itu berasas, *pegawai polis yang membuat penyiasatan* itu hendaklah dengan segera menghantar kepada seorang Majistret suatu salinan catatan dalam buku harian yang ditetapkan kemudian daripada ini yang berhubungan dengan kes itu dan hendaklah pada masa yang sama membawa tertuduh itu ke hadapan Majistret itu.

[20] Peruntukan s 117(1) KTJ secara jelas merujuk 'pegawai polis yang membuat penyiasatan' atau pegawai penyiasat dalam konteks lazimnya. Peguam yang mewakili semua OYDS menghujahkan bagi maksud permohonan reman pegawai penyiasat tidak boleh mewakilkan kepada pegawai polis yang lainnya. Dalam kes semasa permohonan reman pada 22 Mei 2024, pegawai penyiasat telah mewakilkan kepada Sarjan Michael. Pegawai penyiasat yang asal ada tugasan lain untuk mengambil barang kes di Kelantan.

[21] Permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ membabitkan kebebasan individu yang dijamin dibawah perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Nas-nas duluan ada memutuskan dalam senario sebegini, mahkamah perlu memberi tafsiran secara ketat.

[22] Mahkamah ini merujuk kes *Re Mohamad Ezam bin Mohd Nor* [2001] 3 MLJ 372, seperti kata-kata Abdul Wahab Patail H, telah dirujuk dan disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bird Dominic Jude v Public Prosecutor* [2014] 3 MLJ 745, *Alma Nudo Atenza v Public Prosecutor and another appeal* [2019] 4 MLJ 1 dan *Public Prosecutor v Gan Boon Aun* [2017] 3 MLJ 12 yang menyatakan:

> The words 'save in accordance with law' require that there must be specific and explicit law that actually provides for it. *Since the Constitution is the supreme law of the Federation, such a strict interpretation is to be applied in interpreting s 117 of the CPC*. There is no room for a permissive interpretation that a deprivation of the liberty of the suspect to enable the police to question or to interrogate him is allowed because there is no law against it when s 117 of the CPC itself does not make it clear.

[23] Mahkamah ini turut merujuk kes *Dasthigeer B Mohamed Ismail v Kerajaan Malaysia & Anor* [1999] MLJU 121; [1999] 6 CLJ 317, YA Abdul Wahab Patail H (pada ketika itu) menyatakan pandangannya:

> *Since a person can only be arrested in accordance with law, it must follow that the arrest must be upon reasonable grounds to believe that he has committed an offence*. There should be no difficulty to inform him as soon as may be if not immediately of the grounds of his arrest.

> The Criminal Procedure Code provides for the arrest, bail, remand, trial, fine and imprisonment, to mention some of examples of deprivation of liberty and property, is to be found in the Criminal Procedure Code. *The provisions as to remand is consonant with and amplifies upon art 5(4)*.

[24] Mahkamah ini selanjutnya merujuk kes *Public Prosecutor v Sihabduin bin Hj Salleh & Anor* [1980] 2 MLJ 273; [1981] CLJ Rep 82; [1980] 1 MLRA 3, dimana Suffian KHN (pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> ... the words of Lord Diplock in an authority cited by my Lord President, *Duport Steels Ltd v Sirs* seems to me to be particularly apt for: the role of the judiciary is confined to ascertaining from the words that Parliament has approved as expressing its intention what that intention was, and to giving effect to it. *Where the meaning of the statutory words is plain and unambiguous it is not for the judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to give effect to its plain meaning because they themselves consider that the consequences of doing so would be inexpedient, or even unjust or immoral*.

[25] Berbekalkan prinsip-prinsip yang dihuraikan sebelum ini, mahkamah ini akan memberi tafsiran kepada frasa 'pegawai polis yang membuat penyiasatan' bagi maksud s 117(1) KTJ adakah termasuk wakil pegawai penyiasat?

[26] Penghakiman ini tidak akan sempurna tanpa merujuk Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 11 Tahun 2021 (arahan amalan tersebut) yang berkuatkuasa mulai 15 September 2021. Arahan amalan tersebut dikeluarkan berdasarkan peruntukan s 107A Akta Mahkamah Rendah 1948 bertujuan '... mengemas kini tatacara dan memastikan keseragaman amalan berhubung dengan pengendalian prosiding Permohonan Reman di bawah s 117 KTJ bagi Mahkamah di seluruh Malaysia ...'.

[27] Mahkamah ini telah melihat tafsiran 'Permohonan Reman' dalam arahan amalan tersebut menyatakan:

> 'Permohonan Reman' ertinya apa-apa permohonan yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat Polis di hadapan Majistret bagi mendapatkan suatu perintah tahanan di bawah Seksyen 117 KTJ.

[28] Selanjutnya arahan amalan tersebut telah menetapkan tugas-tugas pegawai penyiasat polis mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 4(a)(i)(ii) dan (iii) sebelum permohonan reman di dengar oleh majistret yang berkenaan. Pegawai penyiasat polis juga bertanggungjawab memastikan perenggan 7(a), (b) atau (c) arahan amalan tersebut dipatuhi berkaitan OYDS yang melantik peguam, OYDS bakal melantik peguam pilihannya atau peguam YBGK. Arahan amalan tersebut turut menyatakan tanggungjawab pegawai penyiasat polis di perenggan 10(a), (b) dan (c) untuk

memaklumkan kepada majistret berkaitan sama ada reman baru atau lanjutan, layanan pihak polis ke atas OYDS semasa dalam tahanan polis dan keadaan kesihatan OYDS. Peranan atau tanggungjawab pegawai penyiasat polis bukan sekadar mematuhi perenggan 10(c), arahan amalan tersebut di perenggan 11 memastikan jika OYDS memerlukan rawatan, pegawai penyiasat polis memastikan OYDS di bawa ke hospital bagi tujuan pemeriksaan atau rawatan yang selanjutnya.

[29] Bagi kemudahan rujukan arahan amalan tersebut, khasnya perenggan 4, 7, 10 dan 11 diperturunkan seperti dibawah:

KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA

PKPMP.PKHN.600-3/3/1
10 September 2021

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Seluruh Malaysia

Penolong Kanan Pendaftar / Penolong Pendaftar
Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 11 TAHUN 2021
PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 107A Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], saya, setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan YAA Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi mengemas kini tatacara dan memastikan keseragaman amalan berhubung dengan pengendalian prosiding Permohonan Reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] ("KTJ") bagi Mahkamah di seluruh Malaysia seperti yang berikut:

Istana Kehakiman, Aras 5, Presint 3, 62506 Putrajaya
Tel : 03-88803502 Fax : 03-88803507

A

PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN

B

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi pengendalian prosiding Permohonan Reman di bawah seksyen 117 KTJ di seluruh Malaysia.

TAFSIRAN

C

3. Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

D

"Majistret" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah Rendah 1948;

"Permohonan Reman" ertinya apa-apa permohonan yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat Polis di hadapan Majistret bagi mendapatkan suatu perintah tahanan di bawah seksyen 117 KTJ;

E

"sistem e-Kehakiman" ertinya mana-mana sistem aplikasi Mahkamah yang dibangunkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bagi urusan dan prosiding Mahkamah.

F

G

H

2

I

A

TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN TATACARA JENAYAH

B

4. Selaras dengan peruntukan seksyen 117 KTJ, Pegawai Penyiasat Polis hendaklah memastikan pematuhan kepada perkara-perkara yang berikut:

C

(a) sebelum Permohonan Reman didengar di hadapan Majistret, dokumen-dokumen yang berikut telah difailkan melalui sistem e-Kehakiman:

D

(i) Permohonan Reman;

(ii) salinan diari siasatan yang lengkap di bawah seksyen 119 KTJ; dan

E

(iii) apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan permohonan reman tersebut; dan

F

(b) orang yang disyaki ("OYDS") dikemukakan di hadapan Majistret.

5. Sebelum pengendalian prosiding Permohonan Reman dimulakan, OYDS hendaklah mengesahkan kepada Majistret perkara-perkara yang berikut:

G

(a) bagi OYDS yang mempunyai peguam, OYDS telah diberi peluang untuk menghubungi peguamnya; dan

H

3

I

A

(b) bagi OYDS yang belum melantik peguam, OYDS telah menyatakan hasrat untuk diwakili oleh mana-mana peguam pilihannya.

B

6. Bagi OYDS yang tidak diwakili oleh peguam atau tidak berkeupayaan untuk melantik peguam, OYDS tersebut akan dimaklumkan oleh Majistret akan hak OYDS untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ("YBGK") sekiranya OYDS memenuhi syarat-syarat yang berikut:

C

(a) OYDS adalah seorang warganegara; dan

D

(b) OYDS tidak disiasat di bawah mana-mana undang-undang pencegahan, penculikan dan melarikan orang.

E

7. Bagi maksud perenggan 5 dan 6, Pegawai Penyiasat Polis hendaklah memastikan bahawa, bagi OYDS yang—

(a) telah melantik peguam, peguam yang mewakili OYDS telah dihubungi;

F

(b) belum melantik peguam, tetapi berhasrat untuk melantik peguam pilihannya sendiri, peguam tersebut telah dihubungi; atau

G

(c) berhasrat untuk mendapatkan perkhidmatan peguam YBGK, pihak YBGK telah dihubungi,

H

4

I

dan peguam tersebut telah dimaklumkan agar hadir bagi tujuan pengendalian prosiding Permohonan Reman tersebut.

8. Tertakluk kepada perenggan 7, pengendalian prosiding Permohonan Reman hendaklah ditangguhkan kepada suatu tempoh masa yang munasabah, dalam hari yang sama, bagi membolehkan peguam hadir untuk mewakili OYDS.

9. Walau apa pun peruntukan dalam perenggan 8, pengendalian prosiding Permohonan Reman akan diteruskan sekiranya—

(a) OYDS tidak mahu diwakili oleh peguam dan/atau enggan mendapatkan khidmat bantuan guaman YBGK; atau

(b) tiada peguam yang hadir setelah tempoh masa munasabah diberikan.

10. Semasa mengendalikan prosiding Permohonan Reman, Majistret hendaklah dimaklumkan oleh—

(a) Pegawai Penyiasat Polis berkaitan dengan status Permohonan Reman tersebut sama ada ia adalah suatu Permohonan Reman baharu atau lanjutan;

(b) OYDS berkaitan dengan layanan terhadapnya semasa dalam tahanan pihak polis; dan

(c) OYDS berkaitan dengan keadaan kesihatannya.

5

A

11. Bagi maksud perenggan 10(c), sekiranya Majistret mendapati bahawa OYDS memerlukan rawatan, Pegawai Penyiasat Polis hendaklah memastikan bahawa OYDS tersebut dibawa ke hospital bagi tujuan pemeriksaan dan rawatan yang sewajarnya.

B

12. Semasa pengendalian prosiding Permohonan Reman, Peguam OYDS hendaklah mengemukakan representasi kepada Majistret.

C

13. Tanpa menjejaskan kuasa dan budi bicara untuk mempertimbangkan Permohonan Reman serta menetapkan tempoh bagi apa-apa perintah reman yang akan diberikan, Majistret dalam menjalankan kuasanya boleh membuat rujukan kepada keputusan-keputusan kes Mahkamah Atasan yang terkini dan *Bench Book (Criminal Law)* yang dikeluarkan oleh Badan Kehakiman Malaysia yang menyentuh mengenai isu reman.

D

E

SUSUNAN KEUTAMAAN BAGI PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN DALAM KETIADAAN MAJISTRET

F

14. Dalam ketiadaan Majistret, prosiding Permohonan Reman yang melibatkan siasatan berkenaan apa-apa kesalahan jenayah—

(a) yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara untuk tempoh 14 tahun atau lebih;

G

(b) yang melibatkan OYDS yang merupakan individu berprofil tinggi;

H

6

I

A

(c) di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*]; dan

B

(d) yang disifatkan sebagai berkepentingan awam,

hendaklah dikendalikan oleh Majistret *ex-officio* mengikut keutamaan seperti yang berikut:

C

(a) Hakim Mahkamah Sesyen;

D

(b) Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi di Malaya (bagi Permohonan Reman di Semenanjung Malaysia sahaja);

(c) Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi di Malaya (bagi Permohonan Reman di Semenanjung Malaysia sahaja);

E

(d) Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah; atau

F

(e) mana-mana pegawai lain seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Keempat Akta Mahkamah Rendah 1948.

G

LOKASI DAN HARI PENGENDALIAN PROSIDING PERMOHONAN REMAN

15. Semua prosiding Permohonan Reman hendaklah dikendalikan—

H

7

I

(a) di Mahkamah atau di mana-mana pusat tahanan yang telah diwartakan untuk tujuan reman; dan

(b) pada setiap hari termasuk hari cuti hujung minggu dan cuti umum.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

16. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada 15 September 2021.

PEMBATALAN

17. Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 3/2003 Perintah Penahanan di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) dan perenggan 2A Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Reman dan Pengendalian Kes-Kes Jenayah Selaras Dengan Penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan) adalah dibatalkan.

TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

[30] Berdasarkan arahan amalan tersebut, mahkamah ini berpendapat bagi maksud permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ, pegawai penyiasat polis merujuk kepada 'pegawai yang menjalankan siasatan' dan ia tidak boleh diwakilkan kepada pegawai polis yang lainnya.

[31] Mahkamah ini juga berpandangan peruntukan s 117(1) KTJ perlu dibaca bersama peruntukan s 117(3) KTJ yang memperuntukan tugas pegawai penyiasat polis untuk mencatitkan diari siasatan apa-apa tempoh tahanan sebelum permohonan reman dipohon. Bagi kemudahan rujukan di perturunkan peruntukan s 117(3) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> (3) *Pegawai yang membuat penyiasatan* itu hendaklah menyatakan dalam salinan catatan dalam buku harian yang disebut dalam subseksyen (1), apa-apa tempoh penahanan terhadap tertuduh sebaik sebelum permohonan itu, sama ada atau tidak penahanan itu berhubungan dengan permohonan itu.

[32] Mahkamah ini juga berpandangan peruntukan di bawah s 117(1) KTJ perlu dibaca bersama peruntukan s 119(1) KTJ untuk menyediakan diari siasatan dari sehari ke sehari. Peruntukan s 119(1) KTJ secara jelasnya memperincikan tugas-tugas 'pegawai yang membuat penyiasatan' atau pegawai penyiasat polis dalam konteks arahan amalan tersebut. Bagi kemudahan rujukan di perturunakan peruntukan s 119(1) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Tiap-tiap pegawai polis yang membuat penyiasatan polis di bawah Bab ini hendaklah dari sehari ke sehari mencatatkan prosidingnya dalam penyiasatan itu dalam suatu buku harian yang menyatakan —
>
> (a) masa yang arahan, jika ada, bagi penyiasatan sampai kepadanya;
>
> (b) masa yang dia memulakan dan menutup penyiasatan itu;
>
> (c) empat atau tempat-tempat yang dilawati olehnya; dan
>
> (d) suatu pernyataan mengenai hal keadaan yang dipastikan melalui penyiasatannya.

[33] Mahkamah ini merujuk kes *Public Prosecutor v Audrey Keong Mei Cheng* [1997] 3 MLJ 477, YA Shaik Daud HMR di halaman 482 ada menyentuh hubung kait peruntukan s 117 dan s 119 KTJ. YA dalam penghakimannya menyatakan:

> Section 119 of the CPC provides that the police officer making the investigation shall forthwith transmit to the magistrate 'a copy of the entries in the diary hereinafter prescribed relating to the case and shall at the same time produce the accused before such magistrate'. The diary herein mentioned, has been prescribed in s 119 of the CPC which provides that every police officer making a police investigation shall day by day enter his proceedings in the investigation in a diary setting forth the time at which the order, if any, for investigations reached him, the time at which he began and closed investigation, the place or places visited by him and a statement of the circumstances ascertained through his investigation. *Section 117 of the CPC makes it mandatory for the police officer seeking a detention order of an arrested person to produce a copy of such a diary, failing which a magistrate ought not to entertain the application*.

[34] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini berpendapat bagi maksud permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ, 'pegawai yang menjalankan siasatan' atau pegawai penyiasat polis dibenarkan oleh undang-undang untuk mengemukakan OYDS bagi maksud permohonan reman dan pegawai penyiasat tidak boleh mewakilkan kepada pegawai polis yang lainnya. Berbalik kepada kes semasa, pada 22 Mei 2024 semasa OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 semasa permohonan reman dipohon oleh wakil pegawai penyiasat iaitu Sarjan Michael.

[35] Mahkamah ini berpendapat pihak PDRM selaku agensi penguatkuasaan seharusnya sedar kewujudan arahan amalan tersebut yang terpakai apabila berhadapan permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ. Arahan amalan tersebut bukannya sekadar bingkai lukisan yang dipamer di dinding untuk hiasan semata-mata. Arahan amalan tersebut suatu undang-undang yang hidup, perlu dihayati dan dipatuhi setiap masa.

[36] Pada akhirnya, mahkamah ini berpendapat Sarjan Michael tiada locus standi untuk hadir dan mengemukakan OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 di hadapan Puan majistret itu pada 22 Mei 2024. Permohonan reman tidak mematuhi peruntukan s 117(1) KTJ dan arahan amalan tersebut. mahkamah ini berpandangan keseluruhan prosiding reman menyalahi peruntukan undang-undang dan perintah yang dikeluarkan oleh Puan majistret itu tidak mempunyai kesan undang-undang.

Bagi isu (b)

[37] Peguam yang mewakili OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 membangkitkan isu sama ada bagi maksud permohonan reman, peruntukan s 28A KTJ wajib dipatuhi terlebih dahulu.

[38] Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s 28A KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> 28A(1) Seseorang yang ditangkap tanpa waran hendaklah diberitahu secepat yang boleh alasan penangkapannya oleh pegawai polis yang membuat penangkapan itu.
>
> (2) Seseorang pegawai polis hendaklah, sebelum memulakan apaapa bentuk soal siasat atau perakaman apa-apa pernyataan daripada orang yang ditangkap itu, memberitahu orang itu bahawa dia boleh —
>
> (a) berhubung atau cuba berhubung, dengan seorang saudara atau sahabat untuk memberitahu keberadaannya; dan
>
> (b) berhubung atau cuba berhubung dan berunding dengan seorang pengamal undang-undang pilihannya.

[39] Mahkamah ini berpendapat peruntukan s 28A KTJ yang dipinda

melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 yang berkuat kuasa mulai 6 Mac 2007, memperuntukan tugas pegawai polis yang membuat tangkapan memberitahu 'sesorang yang ditangkap' (OYDS) memberitahu hak-hak yang diperuntukan di bawah s 28A(2)(a) dan (b) KTJ. Sekiranya berlaku ketidak patuhan kepada s 28A KTJ, ia tidak menghalang pegawai penyiasat polis menjalankan siasatan memohon reman dibawah s 117(1) KTJ. Mahkamah ini berpendapat diperingkat reman bukan tugas majistret itu untuk memutuskan penahanan OYDS tidak sah atau melanggar peruntukan undang-undang (sila rujuk kes *Polis DiRaja Malaysia v Keong Mei Cheng Audrey* [1994] 3 MLJ 296; [1994] 3 CLJ 362).

[40] Permohonan reman bertujuan bagi memberi peluang kepada pegawai penyiasat polis menjalankan siasatan ke atas OYDS atas kesalahan yang disyaki dilakukan. Dalam konteks ini eloklah di rujuk kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Hassan bin Marsom & Ors v Mohd Hady bin Ya'akop* [2018] 5 MLJ 141 ada menyatakan:

> 52. Magistrates should not be concerned with the number of applications for remand orders to rush and routinely grant the remand orders so as to finish quickly, even though the stamped form invites the tendency to cross out automatically, particularly on a busy day and the magistrate is running late. *The function of the magistrate in remand applications is to adjudicate and ensure that the demand of law enforcement to detain a person does not override the rights of personal liberty, but that a fair balance is achieved considering seriousness of the offence, the diligence and results of investigation, the need to complete investigation and the necessity to remand the suspect*. In seeking to cope with the large number of applications, it must not be forgotten that the cornerstone of justice and its administration is fairness. A remand order is an exercise in balancing the rights of personal liberty against the duty of the police and public interest to bring offenders to justice. Fairness requires considering each application and individual on its own merits. Failure to do so will inevitably compromise justice itself.

[41] Mahkamah ini berpendapat sekiranya berlaku ketidakpatuhan s 28A KTJ ia boleh dibangkitkan dalam forum yang lainnya. Sebagai contoh dalam kes *Tee Jun Wei v Inspektor Parthiban Suntharam & Yang Lain* [2021] MLJU 1060; [2021] 8 CLJ 127, pemohon telah ditangkap dibawah s 3 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta itu). Selepas siasatan dijalankan, Lembaga Pencegahan Jenayah mengeluarkan perintah tahanan dibawah s 19 Akta itu. Pemohon telah memfailkan permohonan habeas corpus bagi mencabar perintah tahanan. Pemohon dalam permohonannya telah membangkitkan ketidakpatuhan s 4(3) Akta itu iaitu hak pemohon di bawah s 28A KTJ. Pegawai tangkapan semasa melakukan tangkapan sekadar memaklumkan haknya untuk mendapatkan peguam iaitu s 28(2)(a) KTJ. Pemohon tidak diberitahu haknya untuk memberitahu di mana keberadaannya kepada saudara atau kawan iaitu s 28A(2)(b) KTJ.

[42] Mahkamah dalam penghakimannya ada menyentuh kegagalan memaklumkan hak dibawah s 28A(2)(b) KTJ seperti berikut:

> [59] Mahkamah ini berpendapat Inspektor Polis Parthiban a/l Suntharam dalam afidavitnya lebih menumpukan kepada hak pemohon untuk diwakili peguam bagi maksud s 28A(2)(b) KTJ. Beliau gagal menerangkan hak pemohon untuk diberitahu di mana keberadaannya kepada saudara atau kawan yang diperuntukkan dalam s 28A(2)(a) KTJ.
>
> [60] PP yang terpelajar menghujahkan hak pemohon di bawah s 28A KTJ telah pun diberitahu semasa tangkapan sebagaimana yang terdapat dalam laporan polis (eksh PS1). Mahkamah ini telah meneliti laporan tangkapan tersebut, malangnya tiada apa-apa catatan yang menyatakan hak pemohon di bawah s 28A(2)(a) dan (b) KTJ telah dipatuhi. Kegagalan ini terjumlah kepada ketidakpatuhan peruntukan s 4(3) Akta itu.
>
> [61] Mahkamah ini tidak berhasrat untuk menyentuh isu alternatif (ii), isu alternatif (i) sudah memadai untuk dijadikan alasan untuk mencabar perintah tahanan tersebut dan writ habeas corpus dikeluarkan. Berdasarkan kepada ketidakpatuhan s 4(3) Akta itu yang mandatori khasnya perlanggaran untuk memberitahu hak pemohon untuk berhubung dengan saudara atau kawan yang diperuntukkan di bawah s 28A(2)(a) KTJ.

[43] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat ketidakpatuhan s 28A KTJ tidak menghalang permohonan reman dibawah s 117(1) KTJ. Jika ada sekali pun, ianya boleh di bawa dalam forum yang lainnya sebagaimana yang berlaku dalam kes *Tee Jun Wei*.

Bagi isu (c) dan (d)

[44] Peguam OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5 telah menghujahkan kepentingan diari sasatan yang memperincikan peranan setiap OYDS dalam kesalahan yang disiasat oleh pegawai penyiasat polis. Disamping itu tugas majistret itu memberikan alasan-alasan jika membenarkan atau menolak permohonan reman di bawah s 117(1) KTJ.

[45] Mahkamah ini akan menyentuh isu (c) dan (d) secara bersekali kerana ianya saling berkaitan antara satu dengan yang lainnya.

[46] Memandangkan Puan majistret itu pada 23 Mei 2024 menimbangkan permohonan reman lanjutan ke atas OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5, pegawai penyiasat polis wajib menyediakan diari siasatan sebaik tahanan reman dibenarkan mulai 22 Mei 2024 hingga 23 Mei 2024.

[47] Mahkamah ini berkesempatan untuk melihat dan meneliti diari siasatan yang difailkan dalam CMS (lampiran (25)). Pegawai penyiasat polis iaitu Sarjan Muhammad Shahril telah mencatatkan setiap tindakan yang telah

diambil secara terperinci mulai 20 Mei 2024 jam 0833hrs sehinggalah 23 Mei 2024 jam 0800hrs dimana ke semua OYDS dikemukakan di hadapan Puan majistret itu.

[48] Permohonan lanjutan reman telah dipohon oleh pegawai penyiasat polis sebagaimana lampiran (24). pegawai penyaiasat polis memohon lanjutan reman atas alasan:

(a) mengambil gambar dan cap jari OYDS;

(b) OYDS mempunyai rekod jenayah dan dikhuatiri menganggu pengadu dalam kes ini; dan

(c) mengesan barang-barang kes yang masih belum dijumpai.

[49] Mahkamah ini telah meneliti MINIT PERMOHONAN REMAN di Lampiran (37), Puan majistret itu telah menolak permohonan reman lanjutan dan memberikan alasan-alasannya sebagaimana yang diperlukan dibawah s 117(7) KTJ. Puan majistret itu telah memberikan alasan-alasanya seperti berikut:

> *PERMOHONAN DITOLAK. ADAKAH TARIKH REMAN PADA LEPAS TELAH DIGUNAKAN SEPENUHNYA DAN SEKIRANYA TIDAK DIPENUHI DAN DIPERJELASKAN, MAKA IA ADALAH SATU KETIDAKPATUHAN DAN BOLEH MENJADI CONTEMPT OF THE ORDER. ALASAN TIDAK MEWAJARKAN TAHANAN REMAN. HARI INI MASIH DALAM REMAN DAN MASIH ADA LAGI TAHANAN REMAN 14HRS UNTUK AMBIL CAP JARI. ALASAN UNTUK MENGESAN DOMPET TIDAK BERKAITAN DENGAN PERMOHONAN REMAN BERKAITAN KECURIAN KENDERAAN.*

[50] Mahkamah ini berpendapat Puan majistret itu telah meneliti diari siasatan sebelum menolak permohonan reman lanjutan yang dipohon. Tindakan Puan majistret itu selaras dengan saranan YA Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Public Prosecutor v Rajisegar a/l Munisamy* [2006] 2 MLJ 43; [2006] 1 CLJ 217 seperti berikut:

> [2] Nevertheless, a magistrate who is called upon to exercise his power under s 117 CPC must act cautiously and with circumspection. He must not accept ipse dixit of the police officer requesting the remand, but must anxiously scrutinise the material that is produced and also record his reasons for making the order (*Ramli bin Salleh v Inspector Yahya bin Hashim* [1973] 1 MLJ 54; [1972] CLJU 121; [1972] 1 LNS 121 followed) (pp 222 H & 223 A-F, H).

[51] Mahkamah ini bersetuju dengan Puan majistret itu, tindakan mengambil gambar dan cap jari OYDS boleh dilakukan dalam tempoh masa yang ada berbaki iaitu selama 14 jam. Pegawai penyiasat polis tidak menyatakan siapakah OYDS yang dikatakan mempunyai rekod jenayah.

Mahkamah ini berpendapat alasan dikhuatiri OYDS menganggu pengadu adalah andaian semata-mata. Tiada keterangan yang menunjukkan OYDS menganggu pengadu.

[52] Pegawai penyiasat polis tidak menyatakan apakah barang-barang kes yang masih belum dijumpai? Semua OYDS ditahan dan direman atas kesalahan mencuri kenderaan bermotor iaitu kesalahan di bawah s 379A Kanun itu. Kenderaan Hilux yang hilang telah pun dijumpai di tepi KFC Changlun, Jitra, Kedah. Mahkamah ini bersetuju jika sekadar mencari dompet dijadikan alasan untuk reman lanjutan ianya tidak berasas sama sekali. Dompet tiada kaitan dengan kesalahan s 379A Kanun itu. Pegawai penyiasat polis gagal memberikan penjelasan apakah kaitan dompet dengan kesalahan s 379A Kanun itu.

KESIMPULAN

[53] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini memutuskan pegawai penyiasat polis tidak boleh mewakilkan orang lain bagi maksud peruntukan s 117(1) KTJ dan arahan amalan tersebut. Puan majistret itu secara betulnya apabila pada 23 Mei 2024 menolak permohonan lanjutan reman ke atas OYDS1, OYDS2, OYDS3, OYDS4 dan OYDS5. Pada akhirnya, mahkamah ini tidak berhasrat untuk menggunakan kuasa semakan di bawah s 323(1) KTJ. Memandangkan OYDS telah dituduh di mahkamah dan ada OYDS telah dibebaskan, tiada apa-apa perintah dikeluarkan.

Tiada apa-apa perintah dikeluarkan.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar